

TARIKH	3 / 9 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	4	RUANGAN	Dim Negeri

Jaga nama baik Malaysia di Tanah Suci - Sultan Selangor

SHAH ALAM 2 Sept. - Para jemaah haji diingatkan tidak melakukan perkara-perkara yang boleh merosakkan hubungan baik Malaysia dengan Kerajaan Arab Saudi seperti menganjurkan tunjuk perasaan atau demonstrasi sepanjang berada di Tanah Suci Mekah dan Madinah.

Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah bertitah, jemaah haji juga perlu sentiasa mengingati Allah dan perlu banyak bersabar dalam menghadapi apa jua cabaran serta dugaan sepanjang tempoh mereka menunaikan ibadat tersebut.

Baginda bertitah, selama ini jemaah haji dari negara ini cukup dikenali sebagai jemaah paling berdisiplin dalam dunia dan status itu hendaklah dkekalkan dengan memastikan segala peraturan serta undang-undang yang ditetapkan oleh kerajaan Arab Saudi sentiasa dipatuhi.

"Beta tidak berkenan rakyat Selangor

yang pergi menunaikan haji atau umrah ke Tanah Suci Mekah dan Madinah mengadakan tunjuk perasaan atau demonstrasi kerana ia boleh menjejaskan nama baik Malaysia serta hubungan baik antara kerajaan Malaysia dan kerajaan Arab Saudi," titah baginda.

Baginda bertitah demikian pada Majlis Penyempurnaan Kursus Perdana Haji Peringkat Selangor Bagi Musim Haji 1433 Hijrah di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di sini hari ini.

Turut hadir Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim; Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Mohammed Khusrin Munawi; Mufti negeri, Datuk Mohd. Tamyas Abd. Wahid dan Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Datuk Mohamad Adzib Mohd. Isa.

Hadir sama Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Datuk Marzuki Hussin dan Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Tabung Haji (TH), Datuk Paduka Ismeel Ismail.



SULTAN Sharafuddin Idris Shah bersalaman dengan bakal haji ketika hadir pada Majlis Penyempurnaan Kursus Perdana Haji Peringkat Negeri Selangor di Masjid Negeri, Shah Alam, semalam. - UTUSAN/MOHD. ANUDDIN ALIFF SALEHUDDIN